

**Calon BN DUN Kulim Kenali Pengundi Melayu Melalui Novel Karya Azizi Abdullah Bernama**  
**19 April, 2013**  
**Oleh Alias Puteh**

KULIM, 19 April (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kulim, Chua Thiong Gee menjadikan novel-novel karya Allahyarham Azizi Abdullah sebagai panduan mendekati masyarakat Melayu.

Chua, 41, yang dilahirkan di Kilang Sago di sini sememangnya mengenali Azizi, yang pernah menjadi jirannya sejak 1981 sehingga Azizi meninggal dunia Ogos 2011.

Beliau yang juga Naib Pengerusi Badan Perhubungan MCA Kedah berkata isi kandungan novel-novel Azizi banyak menceritakan kehidupan masyarakat Melayu di kampung-kampung.

"Saya merasa lebih dekat dengan masyarakat Melayu melalui novel-novel Allahyarham yang saya baca sejak berada di Tingkatan Dua," kata Chua ketika ditemui di pejabat guamannya di sini hari ini.

Peguam lulusan Universiti Malaya ini berkata di zaman pelajarannya, sebagai jiran kepada novelis tersebut, setiap kali ada novel baharu, Allahyarham sering memberikan novelnya kepada Chua.

Chua berkata ketika membaca novel karya Azizi iaitu "Seorang Tua Di Kaki Gunung" beliau sekadar membaca nama gunung yang diceritakan dalam novel itu sebagai Gunung Bongsu tetapi tidak pasti kedudukan gunung tersebut.

"Tapi sejak dilantik Penyelaras DUN Kulim pada 2008 dan sering melawat kampung-kampung sekitar daerah Kulim, rupa-rupanya Gunung Bongsu adalah dalam kawasan DUN Kulim," katanya.

Chua berkata pengalamannya keluar masuk kampung bertemu penduduk di situ selama lebih empat tahun menjadikannya lebih dekat dengan masyarakat pelbagai kaum selain mengetahui hati budi mereka.

Berdasarkan pengalamannya sejak akhir-akhir ini, masalah infrastruktur dan penyenggaraan jalan-jalan, longkang dan aliran sungai yang tersumbat dan yang menyebabkan banjir kilat telah diabaikan pentadbiran kerajaan negeri, sesuatu yang ingin diatasi jika BN meneraju semula kerajaan negeri pada PRU13 ini.

Chua yang juga Pengerusi MCA Bahagian Kulim Bandar/Baharu, menjadi penaung kepada 36 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina di daerah Kulim dan Bandar Baharu.

Chua yang sudah berumah tangga dengan Elaine Lim, 41, dikurniakan dua orang anak iaitu Chua Chong Eu, 10, dan Chua Jia Yi, 6, dan kini menetap di Kulim, Square di sini.

Pada PRU13, Chua bakal ditentang calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Chu Maw Nian, 46. DUN Kulim mempunyai 34,404 pengundi terdiri daripada 20,927 pengundi Melayu (60.8 peratus), 7,656 pengundi Cina (22.3 peratus), 5,608 pengundi India (16.3 peratus) dan lain-lain pengundi 213 (0.6 peratus).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943373>